

"Double Standard" & "Sweet-Sour Fish"..

Akhbar-akbar dalam dan luar negeri beberapa hari kebelakangan ini berkata bahawa rejim Khomeini amat marah kerana memberi perlindungan politik kepada bekas Presiden Iran, dan keengganan nya menyerahkan balik bekas Presiden itu kepada Iran.

Jurucakap kerajaan Iran, Mr Behzad Nabavi, dilapor sebagai berkata bahawa tindakan Perancis memberi perlindungan politik kepada Bani-Sadr bukan sahaja dianggap oleh Teheran sebagai bertentangan dengan semangat persahabatan di antara Perancis dan Iran tetapi jua sebagai "perbuatan yang melanggar undang-undang antarabangsa."

"Harian Rakyat" Peking di ketika mengkritik dasar campurtangan Russia di Kampuchea menuduh Russia sebagai membelakangkan piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan menghormati "undang-undang rimba di mana kebebasan ditentukan oleh kekuatan semata-mata." (South China Morning Post Julai 25, 1981).

Bercakap darihal negeri China dan kebanyakannya terhadap Russia kerana campurtangan dalam hal-hal negara lain, maka dengan ketubuhan penulis ternampak pagi ini sebuah kepala berita di mana diadakan "Utusan Zaman Ogos 8, Hina yang berbunyi: "China diminta putuskan hubungan dengan Parti Komunis Malaysia". Berita berkenaan melaporkan Data Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai berkata, beliau akan meminta rakan-jawatnya dari Republik Rakyat China untuk mengemukakan sebarang bentuk hubungan pertinjanya dengan parti Komunis Malaya.

Perdana Menteri menegaskan beliau akan memberi perhatian khas terhadap perkara ini dalam rundeng dengan Perdana Menteri Mr. Zhao Ziyang yang melakuakan lawatan rasmi ke Malaya Ahad ini.

Berita menarik bahawa sebuah China telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan hubungan diplomatik antara Kerajaan dengan Kerajaan tetapi ia tidak menamatkan hubungan dengan Parti

Komunis Malaya yang dibatalkan itu. Data Seri Dr. Mahathir menambah "Saya harap mereka (China) tidak akan mengadakan hubungan antara parti dengan parti, tetapi hanya meneruskan hubungan Kerajaan dengan Kerajaan sahaja. Adalah diluar kebiasaan untuk mengadakan hubungan antara parti dengan parti pada masa yang sama mengadakan hubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan."

Komen Penulis:
Penulis menghidangkan dua buah cerita mengenai Iran dan negeri China itu bukanlah dengan tujuan campurtangan dalam hal-hal rumahtangga negara lain, tapi cuma untuk menjadikannya contoh amalan yang menganih dasar yang berpandukan kepada "double standard", yakni, "dua kayu ukur" yang berlainan — satu untuk diri sendiri dan sahabat dan yang satu lagi untuk orang lain, khususnya musuh... Dalam bahasa yang mudah difahami ramal ialah — undang-undang,

sama ada undang-undang "domestic" atau antarabangsa dikenakan di atas semua di "lembutkan" terhadap diri sendiri dan para sahabat dan undang-undang yang sama ditegaskan atau di "keraskan" bila di antara mereka terhadap orang lain, khususnya terhadap mereka yang dianggap musuh...

Maksud — bila di satu ketika dahulu negeri Perancis (mengikut amalan antarabangsa) memberi perlindungan politik kepada Ayatollah Khomeini dan rakan-rakan, termasuk Bani-Sadr yang di waktu itu berkhidmat selaku "kadaman" sukarela kepada Imam Khomeini, (yang diusir oleh rejim Shah Pahlavi), Perancis dianggap sebagai sahabat yang setia. Dan di hari ini bila Kerajaan Perancis (mengikut amalan antarabangsa) memberi perlindungan politik kepada Bani-Sadr dan rakan-rakan, yang diburu oleh rejim Khomeini, Perancis dianggap sebagai musuh yang merbahaya.

Berbalik kepada negeri China yang mengutuk Russia kerana campurtangan di Kampuchea dan me-

nuduhnya sebagai mengamalkan "undang-undang rimba", yang membenarkan mereka yang gagah meninda mereka yang lemah, tapi dia sendiri, yakni, negeri China (selaku Parti Komunis China) menyebelahi, dan menyokong Parti Komunis Malaya dalam usahanya meneruskan gerakan sisilanya (dari dalam rimba) untuk menentang Kerajaan Malaysia yang sah dan yang dipilih oleh rakyat melalui Pilihanraya yang bebas.

"Excuse" atau dialekh yang dikemukakan oleh pucuk pimpinan Kerajaan China ialah sokongan kepada PKM tidak sama sekali menjejaskan persahabatan di antara Kerajaan negeri China dan Kerajaan Malaysia kerana sokongan berkenaan cuma berupa sokongan dari Parti Komunis China (bukan dari Kerajaan China) yang mencerminkan "kerjasama" dan "gotong royong" di antara dua parti yang mempunyai aspirasi dan matlamat yang sama. Kesimpulan: Bilak sekali, nampaknya pemimpin-pemimpin negeri China. Itulah

sebabnya (secara menggunaan bahasa Tan Sri Ghazali Shah) mengapa di antara penduduk-penduduk di dunia ini cuma orang China sahaja yang berjaya mencipta masakan "sweet-sour fish", yakni, ikan yang secara serentak berasa manis dan masam...

☆☆☆

Ekor Ruangan:
Seorang MP Indonesia yang terkemuka berkata bahawa diplomat-diplomat asing memperoleh rahsia Kerri rasuah berupa kardon-karton rokok kepada pegawai-pegawai awam berpangkat rendah di Indonesia.

"Negeri-negeri sahabat (yang tidak di namakan) menawarkan hadiah kepada pegawai-pegawai rendah untuk mendapatkan apa yang mereka mahu. Biasanya hadiah berupa sekorian rokok adalah memadai," kata M.P. berkenaan, Mr. Amin Iskandar, kepada wakil akhbar "Sinar Harapan."

Dipetik dari South China Morning Post, Julai 15, 1981 di bawah tajuk: "Smoking out secrets."

☆☆☆